

KURIKULUM ASAS KERJA SOSIAL DI UNIVERSITI AWAM KE ARAH MELAHIRKAN PEKERJA SOSIAL YANG KOMPETENSI DI MALAYSIA

(Basic Curriculum of Social Work in Public Universities towards Producing Competent Social Workers in Malaysia)

Nurzaimah binti Asalal & Haris Abd Wahab

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pendidikan kerja sosial yang disediakan oleh universiti awam di Malaysia. Penyediaan kurikulum yang mantap adalah perlu bagi profesion kerja sosial di Malaysia. Situasi ini berikutan setelah Akta Kerja Sosial dilaksanakan, adalah menjadi keperluan untuk melahirkan pekerja sosial yang berkemahiran dan bepengetahuan dalam praktis. Council on Social Work Education (CSWE) adalah salah satu badan yang mengawal selia kurikulum kerja sosial di negara barat. Oleh itu, sudah menjadi keperluan juga agar kurikulum kerja sosial di Malaysia merujuk badan berkenaan agar kurikulum kerja sosial di Malaysia selaras dengan negara barat yang setiap tahun melahirkan graduan yang kompetensi dalam praktis. Terdapat 10 kurikulum asas kerja sosial yang telah dikenal pasti iaitu kerja sosial sebagai profesional, prinsip etika kerja sosial, kepelbagaian klien, keadilan sosial dan ekonomi, berfikir secara kritis, tingkah laku manusia dan persekitaran, dasar dan kebajikan sosial, praktis kerja sosial, penyelidikan dan latihan industri. Instrumen kajian ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan komponen-komponen piawaian kurikulum asas kerja sosial yang ditetapkan oleh CSWE. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dan menggunakan borang soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Kajian ini melibatkan seramai 279 pelajar tahun akhir yang dipilih secara bertujuan di enam buah universiti awam yang menawarkan program pendidikan kerja sosial di Malaysia. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23. Maklumat penemuan kajian telah dibentangkan dalam bentuk taburan dan peratusan. Hasil kajian ini dapat memberi implikasi kepada kurikulum pendidikan kerja sosial yang lebih efektif bagi melahirkan pekerja sosial yang mempunyai kompetensi dalam menyampaikan perkhidmatan kerja sosial dan seterusnya meningkatkan profesion kerja sosial sebagai profesion yang professional di Malaysia.

Kata kunci : Kurikulum Kerja Sosial; Pendidikan Kerja Sosial; Akta Kerja Sosial;

ABSTRACT

This study aims to examine social work education provided by public universities in Malaysia. The provision of a sound curriculum is necessary for the social work profession in Malaysia. This situation follows the implementation of the Social Work Act, it is necessary to produce social workers who are skilled and knowledgeable in practice. The Council on Social Work

Education (CSWE) is one of the bodies that regulates the social work curriculum in western countries. Therefore, it is also necessary for the social work curriculum in Malaysia to refer to the body so that the social work curriculum in Malaysia is in line with western countries which each year produce graduates who are competent in practice. There are 10 basic social work curricula that have been identified namely social work as a professional, principles of social work ethic, client diversity, social and economic justice, critical thinking, human and environmental behavior, social policy and welfare, social work practice, research and industrial training. The instrument of this study was self-constructed by the researcher based on the components of the basic social work curriculum standards set by the CSWE. This study uses a quantitative approach through survey method and uses a questionnaire as data collection. The study involved a total of 279 final year students who were purposefully selected in six public universities that offer social work education programs in Malaysia. The information obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 23. The information of the study findings was presented in the form of distributions and percentages. The results of this study can give implications to a more effective social work education curriculum to produce social workers who are competent in delivering social work services and further improve the social work profession as a professional profession in Malaysia.

Keywords: Social Work Education; Social work

PENGENALAN

Ezarina (2006) menyatakan pendidikan kerja sosial secara formal telah dilaksanakan sejak tahun 1975 di Malaysia. Pada awalnya, program kerja sosial disediakan untuk mereka yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Pendidikan kerja sosial ini mula ditawarkan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1975 dan terus berkembang pada tahun 1995 (Ismail, 2003). Teoh dan Fuziah (2017) menyatakan UNIMAS menawarkan program kerja sosial bermula tahun 1993. Diikuti UUM (1997), UKM (2003) dan UMS, UM dan UPM pula menawarkan program kerja sosial awal 1980-an. Terkini UNISZA (2014) baru sahaja menawarkan program kerja sosial.

Penawaran kursus kerja sosial di universiti awam adalah mengikut piawaian kurikulum asas kerja sosial yang telah digariskan oleh Council on Social Work Education (CSWE) di Amerika Syarikat (Zastrow, 1999). CSWE telah ditubuhkan pada tahun 1952 yang berperanan menyediakan garis panduan dalam menyediakan kurikulum pendidikan kerja sosial kepada institusi yang menawarkan program kerja sosial. Pada tahun 1970, CSWE telah meluluskan program kerja sosial pada peringkat Sarjana Muda di barat. Bermula pada tahun tersebut, lebih ramai pelajar mengikuti program kerja sosial dan memilih kerja sosial sebagai profesion mereka (Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati, 2014). Menurut Zastrow (1999), CSWE juga bertanggungjawab menyemak program dan mengiktiraf latihan yang disediakan oleh pihak universiti agar mengikuti piawaian kurikulum asas kerja sosial yang telah ditetapkan pada peringkat sarjana muda dan sarjana di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, piawaian kurikulum asas kerja sosial di Amerika Syarikat adalah berbeza dengan negara lain. Contohnya,

China Association for Social Work Education (CASWE) adalah yang bertanggungjawab dalam mengurus kurikulum kerja sosial di China. Bagi Malaysia, belum ada piawaian kurikulum kerja sosial secara khusus, namun telah ada Dasar Pendidikan dan Piawai untuk Pendidikan Kerja Sosial yang diusahakan oleh Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS) yang ditubuhkan pada tahun 2000. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengetahui kesediaan kurikulum asas kerja sosial di universiti awam untuk melahirkan pekerja sosial yang mampu kompetensi dalam bidang ini serta kesediaan satu badan khas yang perlu untuk menyelia kursus kerja sosial agar setara dengan pendidikan kerja sosial di barat.

PROGRAM KERJA SOSIAL DI UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA

Universiti awam yang menawarkan program kerja sosial mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri. Nama kursus yang diberikan biasanya berlainan, namun mencapai objektif yang sama selaras dengan Dasar Pendidikan dan Piawai untuk Pendidikan Kerja Sosial. Kesemua program kerja sosial perlu mencerminkan objektif-objektif seperti yang dinyatakan (JBKPKS, 2006):

- i. Tujuan kerja sosial seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen II Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial.
- ii. Prinsip nilai dan etika kerja sosial.
- iii. Mengambil kira Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS) sebagai penanda aras dalam pembangunan kandungan kurikulum dan strategi pengajaran serta pembelajaran.

Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial telah disediakan oleh Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial di Institusi Pengajian Tinggi, Malaysia pada Jun, 2006. Dokumen ini dirangka atas keperluan menggariskan polisi dan piawai kebangsaan bagi pendidikan kerja sosial di Malaysia. Dokumen ini juga mengandungi empat teras piawaian untuk program kerja sosial iaitu objektif dan hasil, kandungan kurikulum, keutuhan program, struktur dan serta pembangunan profesional pelajar.

Jadual 1: Senarai Program Kerja Sosial di Universiti Awam

Program Kerja Sosial	Jabatan/ Pusat / Fakulti
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial	Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Sosial	Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM
Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Manusia)	Fakulti Ekologi Manusia, UPM
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Dengan Kepujian	Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial	Fakulti Sains Sosial, UNIMAS
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Kerja Sosial	Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains, UUM
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian (Kerja Sosial)	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM
Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial Dengan Kepujian	Fakulti Sains Sosial Gunaan, UNISZA

Program kerja sosial di Universiti Sains Malaysia (USM) adalah di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan mula ditawarkan pada tahun 1975. Pelajar perlu mengikuti minimum empat tahun pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Program ini ditawarkan pada awalnya adalah untuk memenuhi keperluan negara bagi melatih lebih ramai lagi pekerja sosial yang profesional supaya dapat memberikan perkhidmatan di pelbagai agensi perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial di Malaysia. Selain itu, program ini turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan kebajikan masyarakat dan lain-lain organisasi khidmat manusia kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ke arah memberikan perkhidmatan khidmat manusia yang lebih cekap kepada golongan sasaran dan masyarakat keseluruhannya.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 1993. Program kerja sosial yang diikuti oleh pelajar adalah minimum selama tiga tahun pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Program ini adalah di bawah Fakulti Sains Sosial. Tujuan utama kerja sosial adalah mengenai peningkatan kesejahteraan manusia dan promosi keadilan sosial dan pembangunan sosial. Kursus-kursus yang ditawarkan oleh program ini adalah bertujuan untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan tentang interaksi antara manusia dan masyarakat. Pelajar mempelajari teori dan kemahiran dalam kerja sosial untuk membolehkan mereka memainkan peranan mereka dengan berkesan dalam membantu atau bekerja dengan individu, kumpulan dan komuniti serta merumuskan dasar sosial. Program ini adalah menggambarkan ilmu dari disiplin sains sosial dan sains tingkah laku lain, seperti perancangan, pengurusan, dan komunikasi serta kemahiran interpersonal.

Universiti Utara Malaysia (UUM) mula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 1997 (Sinnasamy, 2006). Program ini akan diikuti oleh pelajar selama minimum empat tahun. Program ini di bawah Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Kolej Sastera dan Sains. Seterusnya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mula menawarkan program kerja sosial sejak tahun 2003. Pelajar mengikuti program kerja sosial selama minimum tiga tahun. Program kerja sosial ditawarkan di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Antara objektif program ini adalah untuk melahirkan siswazah yang berkemahiran untuk menjalankan kerja-kerja sosial dan pertolongan manusia serta berupaya menjana secara kreatif perkhidmatan manusia yang peka kepada keperluan kesejahteraan manusia. Program ini menawarkan beberapa bidang kerja sosial utama iaitu kebajikan sosial, dasar sosial, dadah dan pemulihan, kesihatan mental, gerontologi, orang kelainan upaya dan pengurusan bencana.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga turut menawarkan program kerja sosial. Teoh dan Fuziah (2017) menyatakan UMS menawarkan program kerja sosial pada awal 1980-an. Program kerja sosial ditawarkan selama minimum tiga tahun pada peringkat Ijazah Sarjana Muda. Program kerja sosial kini di bawah Fakulti Psikologi dan Pendidikan. Program Kerja Sosial secara umum bertujuan untuk menyediakan bakal-bakal pekerja sosial profesional yang berdedikasi, berinovasi serta mempunyai perspektif yang menyeluruh terhadap fahaman masyarakat serta isu dan masalahnya. Manakala Universiti Malaya (UM) mula menawarkan program pengajian sosial pada peringkat diploma yang dahulunya bertempat di Singapura pada tahun 1952 (Fuziah dan Ismail, 2013). Walau bagaimanapun, program kerja sosial hanya diperkenalkan pada awal 1980-an dan ditawarkan sebagai subjek minor iaitu Rancangan Pentadbiran Dan Keadilan Sosial. Pada tahun 1987 dan mula beroperasi pada 29 Mac 1993, program kerja sosial ditawarkan menerusi Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial sebagai

subjek major sahaja. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM. Sebelum ini, program kerja sosial diikuti oleh pelajar selama minimum tiga tahun menerusi Ijazah Sarjana Muda Sastera. Namun, program ini telah diubahsuai kepada Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Sosial pada sesi pengajian 2017/2018 dan pelajar perlu mengikuti minimum tujuh semester.

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menawarkan program kerja sosial menerusi Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan di bawah Fakulti Ekologi Manusia. Pelajar mengikuti program ini selama minimum empat tahun. Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan memberi tumpuan kepada pengajian dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Pembangunan seperti Antropologi, Psikologi, Sosiologi, Kerja Sosial, Pembangunan Komuniti, dan Pengajian Bandar dan Wilayah. Seterusnya, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) merupakan universiti yang baharu sahaja menawarkan program kerja sosial pada tahun 2014. Program kerja sosial ditawarkan kepada pelajar selama minimum empat tahun di bawah Fakulti Sains Sosial Gunaan. Program ini bertujuan melahirkan graduan yang berupaya mengguna, menguasai serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang khidmat sosial, pemulihan dan jagaan dan seterusnya menjana pekerjaan dan bersaing dalam pasaran bagi memenuhi keperluan semasa.

Selain universiti awam, kini terdapat beberapa universiti swasta yang turut menawarkan program kerja sosial di Malaysia. Antaranya, Methodist College Kuala Lumpur dan Methodist Pilley Institute, Sibu, Sarawak yang telah menawarkan program kerja sosial pada peringkat Diploma. Kedua-dua program kerja sosial pada peringkat Diploma ini diikuti secara minimum selama dua tahun setengah sehingga tiga tahun. Penawaran program kerja sosial bermula peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran memperlihatkan perkembangan pendidikan kerja sosial di Malaysia. Dengan adanya peluang pendidikan ini akan membuka ruang untuk melahirkan pekerja sosial yang mahir di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel dan Wallen, 1996).

Kajian ini telah melibatkan pelajar universiti awam yang menawarkan program kerja sosial di Malaysia. Terdapat enam buah universiti awam sebagai lokasi kajian iaitu di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, UUM, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, Fakulti Sains Sosial Gunaan, UnisZA dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS (Jadual 2).

Jadual 2: Lokasi Kajian dan Jumlah Responden

Lokasi Kajian	Jumlah Pelajar Program Kerja Sosial	Jumlah Responden (Jum. Pelajar tahun akhir)
Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya	92	10
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia	193	75
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia	250	72
Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah	199	59
Pusat pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), Universiti Utara Malaysia	254	49
Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin	432	75
Jumlah	1,420	340

Bagi tujuan kajian ini, sampel kajian adalah pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian. Teknik persampelan yang digunakan untuk pengkajian ini adalah persampelan bertujuan. Hal ini kerana hanya pelajar tahun akhir dan telah mengikuti atau sedang menjalani latihan industri sahaja dipilih sebagai responden kajian. Secara keseluruhannya,

Seramai 279 orang pelajar program kerja sosial yang berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Rasional pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian kerana pelajar tahun akhir adalah pelajar yang telah mengikuti sebahagian besar kursus yang ditawarkan dalam program kerja sosial. Mereka juga mempunyai pengalaman praktikum dan memahami kurikulum asas kerja sosial yang telah dipelajari sepanjang pengajian (Ezarina, 2006).

Teknik yang digunakan untuk pengumpulan data adalah melalui dua kaedah. Pertama, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Kedua, pengkaji menggunakan soal selidik secara talian melalui emel. Pengkaji telah membina soal selidik menerusi Google Form. Pelajar hanya perlu menjawab mengikut bahagian yang telah disediakan. Jawapan responden dihantar secara langsung kepada pengkaji. Kedua-dua cara tersebut mengandungi soalan-soalan dan pilihan jawapan yang sama. Soalan sekata telah diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam pengkajian ini. Ketika pengumpulan data dilaksanakan terdapat beberapa universiti yang telah menghantar pelajar untuk menjalani latihan industri. Antaranya, UM, UUM, dan UnisZa. Oleh itu, kaedah kedua digunakan untuk mengumpul data.

Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 23. Bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian, ujian Cronbach Alpha telah digunakan menerusi program SPSS. Analisis deskriptif digunakan bagi melaporkan penemuan kajian. Bahagian A dan B borang soal selidik dianalisis menggunakan nilai taburan dan peratusan.

Analisis *Cronbach Alpha* menunjukkan semua item boleh diterima untuk pengkajian ini (Jadual 3).

Jadual 3: Nilai Cronbach Alpha

Nilai Cronbach's Alpha			
Pilot	Sebenar	Jumlah Item	Bahagian
.785	.856	40	Bahagian B (Dipelajari)
.990	.979	40	Bahagian B (Pemahaman)
.991	.982	70	Bahagian C (Halangan pelajar)
.866	.874	46	Bahagian D (Ciri-ciri program kerja sosial)
.984	.764	196	Keseluruhan

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan pelajar tahun akhir yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam di Malaysia. Umur pelajar pada tahun akhir pengajian dianggarkan antara 23 hingga 24 tahun berikutan pengajian yang diikuti oleh pelajar adalah minimum selama 3 tahun. Sistem Pendidikan Malaysia melayakkan pelajar yang berusia 19 tahun atau 20 tahun untuk memasuki universiti awam. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (53.0%) pelajar berumur 24 tahun.

Tempoh pengajian yang diikuti oleh pelajar program kerja sosial adalah berbeza. Bagi USM, UUM dan UNISZA, program kerja sosial yang ditawarkan memerlukan pelajar mengikuti minimum selama lapan semester. Manakala UKM dan UMS memerlukan pelajar mengikuti minimum enam semester. Hanya UM sahaja memerlukan pelajar mengikuti program minimum selama tujuh semester. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (55.9%) pelajar telah mengikuti program kerja sosial selama lapan semester. Manakala sebanyak 40.5 peratus mengikuti program kerja sosial selama enam semester. Hanya 3.7 peratus sahaja pelajar mengikuti program kerja sosial selama tujuh semester.

Bentuk Kurikulum Asas Kerja Sosial


Kerja Sosial Sebagai Profesional

Kerja sosial sebagai profesional merupakan piawaian kurikulum asas kerja sosial yang pertama digariskan oleh CSWE (2008). Persatuan Pekerja Sosial Kebangsaan, Majlis Pendidikan Kerja Sosial dan Sekolah Kerja Sosial mengiktiraf program sarjana muda dalam kerja sosial dan pelajar yang menyelesaikan program ini dengan memuaskan diiktiraf sebagai pekerja sosial (profesional) tahap pertama (Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati, 2014). Michelle (2016) menyatakan bagi memenuhi piawaian kurikulum asas kerja sosial ini, pelajar perlu memahami dan mengetahui peranan dan tanggungjawab pekerja sosial. Pelajar mengikuti kursus 'Pengantar Kerja Sosial' untuk memahami kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional di universiti awam di Malaysia.

Penemuan kajian menunjukkan hampir keseluruhan (99.3%) pelajar menyatakan telah mempelajari bentuk kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional di universiti awam di Malaysia (Carta 1). Kajian Costello & Taik (2015) dan Gary, Meenaghan et al. (2002) mendapati pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan tentang kerja sosial sebagai professional sejak mengikuti ijazah sarjana muda di universiti awam di barat. Keadaan ini hampir sama dengan Pendidikan kerja social di Malaysia. Pelajar sememangnya telah mendapat pengetahuan tentang kerja social professional sejak mengikuti pengajian di peringkat universiti. Pengetahuan ini adalah dipercayai dapat meningkatkan lagi keprofesionalisme pelajar kerja social untuk kompeten dalam praktis sebenar.

Carta 1: Kurikulum Asas Kerja Sosial

KURIKULUM ASAS KERJA SOSIAL



Nota: ○ = Nilai Peratus
* = Jumlah

Nilai dan Etika Kerja Sosial

Nilai dan etika kerja sosial merupakan bentuk kurikulum asas kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (2008). Nilai dan etika kerja sosial merupakan ilmu yang penting untuk dipelajari oleh pelajar yang mengambil kursus kerja sosial. NASW mendefinisikan nilai kerja sosial sebagai satu prinsip umum yang menyediakan ukuran atau piawaian untuk masyarakat membuat penilaian tentang sesuatu matlamat (Ezarina, 2006). Manakala etika kerja sosial adalah garis panduan dalam profesion yang perlu dipatuhi oleh pengamal. Pihak universiti yang menawarkan kursus kerja sosial adalah diwajibkan untuk menyediakan subjek yang memfokuskan tentang

nilai dan etika kerja sosial. Menurut Azlinda (2011), kegagalan pelajar menguasai nilai dan etika kerja sosial akan menyebabkan kesukaran mereka untuk berhadapan dengan klien.

Pelajar perlu mengikuti kursus ‘Falsafah, Nilai dan Etika Kerja Sosial’ untuk memahami kurikulum asas nilai dan etika kerja sosial di universiti. Penemuan kajian ini adalah seperti carta 1. Secara keseluruhannya, majoriti pelajar menyatakan telah mempelajari komponen-komponen nilai dan etika kerja sosial di universiti awam di Malaysia menerusi kursus yang telah ditawarkan. Setiap universiti awam yang menawarkan program kerja sosial telah menyediakan kursus yang memberi pendedahan kepada pelajar tentang nilai dan etika kerja sosial. Samir dan Muhd Dhamir (2019) menyatakan program kerja sosial yang ditawarkan di peringkat universiti telah mencapai tahap piawaian setaraf dengan CSWE. Situasi ini dapat dilihat berdasarkan penemuan kajian ini yang menunjukkan pelajar telah menguasai salah satu kurikulum asas Pendidikan kerja sosial iaitu nilai dan etika kerja sosial.

Memahami Kepelbagaian Klien

Memahami kepelbagaian klien merupakan kurikulum asas kerja sosial yang ditetapkan oleh CSWE (2008). Kreitzer, Abukari, Antonio, Mensah, & Kwaku (2009) dan Lough (2009) menyatakan pendidikan kerja sosial perlu komited untuk membolehkan pelajar memahami dan menghargai kepelbagaian manusia. Kurikulum asas kerja sosial perlu menjadikan pelajar berpengetahuan tentang peringkat-peringkat intervensi yang berbeza agar pelajar mempunyai pengalaman yang berbeza. Antara aspek-aspek yang perlu ditekankan ke atas pelajar adalah persempadanan antara klien berdasarkan etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur serta latar belakang klien (Audrey, 2014; Berger, 2010).

Pelajar mengikuti kursus ‘Kemahiran Asas Kerja Sosial’ untuk memahami kurikulum asas kepelbagaian klien. Walau bagaimanapun, pelajar boleh mengikuti kursus elektif yang mengkhususkan pengetahuan tentang kepelbagaian klien seperti ‘Hubungan Etnik dan Rasisme’, ‘Agama dan Hubungan Sosial’ dan ‘Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial’. Penemuan kajian ini adalah seperti carta 1. Secara keseluruhannya, majoriti pelajar telah mempelajari tentang memahami kepelbagaian klien berdasarkan kursus-kursus yang telah ditawarkan di universiti awam di Malaysia.

Meningkatkan Keadilan Sosial dan Ekonomi

Keadilan sosial ialah kesamarataan perihal kemasyarakatan yang melibatkan semua individu dari segi hak dan tanggungjawab dalam ruang lingkup yang betul dan sesuai dalam semua lapangan kemasyarakatan (Mohamad Zarifi dan Taqwa, 2004). Manakala keadilan ekonomi bermaksud menentang diskriminasi, penindasan dan perampasan ekonomi (Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati, 2014). Costello dan Taik (2015) menyatakan program kerja sosial yang disediakan oleh pihak universiti perlu mampu menjadikan pelajar berkemahiran untuk memilih dan menjalankan intervensi yang boleh membawa kepada perubahan sosial untuk klien. Pelajar perlu memahami dan mendalami teori konflik dan konsep keadilan sosial untuk menjadi panduan dalam mengurus konflik akibat daripada penindasan dan diskriminasi.

Penemuan kajian menunjukkan seramai 277 orang pelajar telah mempelajari kursus ini di universiti awam (Carta 1). Pelajar mengikuti kursus ‘Pengantar Kerja Sosial’ untuk memahami tentang meningkatkan keadilan sosial dan ekonomi.

Berfikiran Secara Kritis untuk Menyelesaikan Masalah Klien

Berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien merupakan salah satu kurikulum asas kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (2008). Kurikulum asas ini adalah baru diperkenalkan kepada pelajar bermula tahun 2008 (Wang, Guo, Findley et al., 2015). Sebelum ini, CSWE (1992 dalam Ezarina, 2006) telah menyenaraikan memahami populasi berisiko sebagai kurikulum asas kerja sosial. Kedua-dua piawaian ini tidak mempunyai ciri-ciri yang jauh berbeza. CSWE (2008) menggariskan program kerja sosial perlu mengandungi pengetahuan tentang kebolehan pelajar berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien mengikut populasi berisiko. Menurut Ezarina (2006) pelajar harus berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien dengan mengikut populasi berisiko yang dikenal pasti. Antara populasi berisiko yang disenaraikan oleh CSWE adalah warga emas, kanak-kanak, wanita, pesakit mental, orang kelainan upaya dan kumpulan minoriti (Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati, 2014; Zastrow, 2004).

Penemuan kajian menunjukkan seramai 277 orang pelajar telah mempelajari kursus ini di universiti awam (Carta 1). Pelajar mengikuti kursus ‘Seminar Kerja Sosial’ untuk memahami kurikulum asas berfikiran secara kritis. Selain itu, pelajar boleh mengikuti kursus elektif seperti ‘Kerja Sosial dengan Kanak-Kanak, Remaja dan Keluarga’, ‘Praktis Kerja Sosial dengan Warga Tua’, dan ‘Psikologi Tak Normal’ untuk memahami populasi berisiko secara khusus.

Tingkah Laku Manusia dan Persekitaran

Tingkah laku manusia dan persekitaran sosial merupakan salah satu kurikulum asas kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati, 2014). Lewis (2001) mendefinisikan tingkah laku sebagai perbuatan yang dilakukan secara terus atau tidak dan dalam keadaan sedar mahupun separa sedar. Manakala persekitaran sosial adalah aktor-aktor yang mempengaruhi individu seperti keluarga, rakan sebaya, media massa dan komuniti (Zakaria, Ahmad Munawar dan Noranizah, 2012). Program kerja sosial perlu menyediakan pelajar dengan pengetahuan tentang sistem sosial, teori bio-psiko-sosial dan ekologi manusia untuk memahami dengan lebih mendalam tentang tingkah laku manusia dan persekitaran.

Teori yang dipelajari oleh pelajar perlu meliputi aspek tentang biologi, sosiologi, budaya, psikologi dan pembangunan rohani (AlpMa’seb, Aklhurinej, & Alduwaihi, 2013). Pelajar mengikuti kursus ‘Tingkah Laku Manusia dan Persekitaran Sosial’ untuk memahami kurikulum asas tingkah laku manusia dan persekitaran di universiti awam. Kursus ini akan membantu pelajar untuk meninjau pembangunan dan perlakuan manusia dalam perspektif yang komprehensif dan mengambil kira sosiobudaya dan ekologi tempatan. Kursus ini juga akan mengaitkan kepentingan ilmu ini dengan pelaksanaan praktis kerja sosial untuk melahirkan pekerja sosial yang kompeten (Holden, Barker, Rosenberg et al., 2011). Penemuan kajian menunjukkan semua pelajar telah mempelajari bentuk kurikulum tingkah laku manusia dan persekitaran di universiti awam (Carta 1).

Dasar dan Kebajikan Sosial

Dasar dan kebajikan sosial merupakan salah satu kurikulum asas kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (2008). Menurut Gursansky dan Le Sueur (2011) pelajar perlu dilatih dengan kemahiran untuk menganalisis dasar perkhidmatan kebajikan sosial sama ada dalam konteks sejarah mahupun konteks semasa. Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati (2014) menyatakan program kerja sosial perlu menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran membentuk asas kebajikan sosial, menganalisis organisasi, isu-isu peringkat tempatan, negeri, negara dan antarabangsa dalam dasar kebajikan sosial dan penyampaian perkhidmatan masyarakat, menganalisis dan menggunakan hasil penyelidikan dasar berkaitan penyampaian perkhidmatan masyarakat, memahami dan melaksanakan kemahiran amalan dasar yang berkaitan sistem ekonomi, politik dan organisasi, dan menggunakannya untuk mempengaruhi, merumuskan dan menyokong dasar yang seiring dengan nilai kerja sosial dan mengenal pasti proses kewangan, organisasi, pentadbiran dan perancangan yang diperlukan untuk menyampaikan perkhidmatan masyarakat.

Pelajar mengikuti kursus ‘Dasar dan Pembangunan Sosial’ untuk memenuhi kurikulum asas dasar dan kebajikan sosial. Penemuan kajian menunjukkan semua pelajar telah mempelajari kursus dasar dan kebajikan sosial di universiti awam (Carta 1). Pelajar yang mengikuti program kerja sosial adalah penting untuk memahami dasar dan kebajikan sosial kerana mereka yang akan menyalurkan segala maklumat apabila berada di lapangan (Fatimah Zailly dan Noor Azizah, 2005).

Praktis Kerja Sosial

Praktis kerja sosial merupakan kurikulum asas kerja sosial yang perlu difahami oleh pelajar sebelum berada dalam praktis sebenar (CSWE, 2008). Hill, Erickson, Donaldson, et al. (2017) menyatakan program kerja sosial adalah wajib menyediakan pengetahuan tentang praktis kerja sosial di peringkat Sarjana Muda. Pelajar akan diberikan pengetahuan tentang tiga praktis utama dalam kerja sosial iaitu mikro (individu dan keluarga), meso (kumpulan) dan makro (komuniti). Sheafor dan Horejsi (2012) dan Zastrow (2007) menyatakan pekerja sosial perlu memahami tiga praktis utama dalam kerja sosial untuk mengendalikan kes klien. Pengetahuan tentang praktis kerja sosial dapat membantu pelajar untuk menyampaikan intervensi dalam praktis sebenar.

Pelajar akan mengikuti tiga kursus wajib yang disediakan oleh universiti untuk memenuhi kurikulum asas praktis kerja sosial iaitu ‘Kaedah Kerja Kes dengan Individu dan Keluarga’, ‘Kaedah Kerja Kumpulan’, dan ‘Kaedah Kerja Komuniti’. Penemuan kajian menunjukkan semua pelajar telah mempelajari kursus ini di universiti awam (Carta 1).

Penyelidikan

Menurut Ezarina (2006) kurikulum penyelidikan memberi kefahaman kepada pelajar tentang ilmu-ilmu saintifik, pendekatan analitik yang berguna dalam pembentukan asas untuk praktis dan membuat analisis tentang perkhidmatan yang digunakan oleh pekerja sosial dalam pelbagai praktis. Pengetahuan ini penting berikutan pekerja sosial mempunyai peranan untuk menjalankan penyelidikan bagi memperbaiki pelaksanaan polisi sosial yang mampu membantu meningkatkan

kesejahteraan manusia (Amna et al., 2003; Dubois dan Miley, 2011). Rusimah, Ahmad Syukri dan Jusmawati (2014) menyatakan pengetahuan tentang penyelidikan adalah merangkumi beberapa aspek iaitu memberikan perkhidmatan bermutu, untuk memulakan perubahan, untuk meningkatkan amalan, dasar dan penyampaian perkhidmatan sosial dan untuk menilai amalan mereka sendiri. Kandungan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif akan memberi kefahaman kepada pelajar tentang saintifik, analitis dan pendekatan beretika bagi mendapatkan pengetahuan untuk diamalkan.

Pelajar wajib mengikuti kursus 'Penyelidikan Kerja Sosial' untuk memenuhi kurikulum asas penyelidikan di universiti awam. Penemuan kajian menunjukkan semua (100%) pelajar telah mempelajari tentang penyelidikan semasa belajar di universiti (Carta 1).

Latihan Industri

Latihan industri merupakan komponen penting dalam pendidikan kerja sosial untuk memenuhi kurikulum asas meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam praktis (Abdul Razak dan Ahmad Shukri, 2006; Cavanos, 1996; Kissman dan Van Tran, 1990). Norul Huda, Ezarina, Fauziah et al. (2017) menyatakan latihan industri merupakan medium penting bagi pelajar mendapatkan pemahaman dan aplikasi kemahiran secara bersemuka berkaitan dengan mata pelajaran yang dipelajari. Azlinda (2017) juga ada menyatakan pelajar perlu bersedia dalam tiga aspek utama iaitu kemahiran, pengetahuan dan diri pelajar untuk menjalani latihan industri. Simpson et al. (2010) dan Zastrow (2008) menyatakan kemahiran komunikasi adalah kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh pelajar semasa menjalani latihan industri. Pelajar perlu mampu melakukan ekspresi secara lisan dan bukan lisan serta pengamatan terhadap intonasi suara dan bahasa tubuh (Azlinda, 2017)

Kajian ini telah melibatkan pelajar yang berada di tahap akhir pengajian. Oleh itu, semua pelajar yang terlibat dalam kajian ini telah atau sedang menjalani latihan industri di lapangan. Penemuan kajian menunjukkan semua (100%) pelajar telah menjalani latihan industri (Carta 1).

KESIMPULAN

Berdasarkan penemuan kajian, majoriti pelajar yang mengikuti program kerja sosial menyatakan telah mempelajari tentang bentuk piawaian kurikulum asas kerja sosial yang digariskan oleh CSWE (2008) di universiti awam. Antara bentuk piawaian kurikulum asas kerja sosial yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah kerja sosial sebagai profesional, nilai dan etika kerja sosial, memahami kepelbagaian klien, meningkatkan keadilan sosial dan ekonomi, berfikiran secara kritis terhadap populasi berisiko, tingkah laku manusia dan persekitaran, dasar dan kebajikan sosial, praktis kerja sosial, penyelidikan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam praktis menerusi latihan industri. Pelajar yang telah mempelajari tentang bentuk-bentuk kurikulum asas kerja sosial ini menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di Malaysia telah mempelajari dan mampu memahami bentuk-bentuk kurikulum asas kerja sosial yang telah digariskan oleh CSWE (2008) di universiti awam dalam konteks Malaysia.

Berdasarkan penemuan kajian ini menunjukkan kurikulum asas kerja sosial adalah setara dengan kursus kerja sosial yang ditawarkan di Negara barat. Situasi ini menunjukkan pelajar

yang mengikuti program kerja sosial boleh diiktiraf kepakaran mereka untuk menjadikan profesion kerja sosial ke arah professional. Akta Kerja Sosial yang kini berada ditahap akhir pelaksanaannya akan mampu meningkatkan lagi profesion kerja sosial sebagai professional. Sistem pendidikan yang sama bagi semua program kerja sosial di universiti awam akan melahirkan lebih ramai lagi golongan profesional dalam kerja sosial dan mampu kompetensi dalam praktis kerja sosial. Penyediaan kurikulum asas kerja sosial yang mantap ini di universiti awam diharapkan dapat menjadikan graduan kerja sosial mendapat tempat dalam profesion ini kelak. Selain itu, piawaian yang ditetapkan oleh Dasar tersebut juga perlu diperkemas dan sudah tiba masanya MASW menjadi satu badan yang bertanggungjawab untuk mengakreditasi program kerja sosial di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Razak & Ahmad Shukri. (2006). Praktikum dan Kerja Sosial: Ke Arah Piawaian Pembelajaran dan Pengajaran yang Berkualiti. Dalam Azlin Hilma, Fatimah Zailly, Rusimah dan Yusmarhaini. *Isu-isu dan Pendidikan Kerja Sosial*. (pp. 125-136). Sintok, Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Razak Abd Manaf & Zakiyah Jamaludin. (2002). *Kerja Sosial: Artikel-Artikel Pilihan*. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- AlpMa'seb, H., Aklhurinej, A. & Alduwaihi, M. (2013). The Gap Between Theory and Practice in Social Work. *International Social Work* 58(6) 819-830. From: <http://journals.sagepub.com>
- Amna Md Noor, Rozumah Baharuddin, Abdullah Al-Hadi Hj. Muhammed... Tan, J.P.. (2003). *Sistem Sekolah dan Sosialisasi Pelajar*. Serdang, Selangor : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azlinda Sulaiman. (2017). *Persediaan Pelajar Sebagai Pelatih Kerja Sosial*. Prosiding PESAN 2017 (pp. 413-418).
- Buku Panduan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Sastera dan Sains Sosial sesi 2015/2016, Universiti Malaya.
- Buku Panduan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial sesi 2014/2015, Universiti Sains Malaysia.
- Buku Panduan Buku Panduan Fakulti Sains Sosial Gunaan sesi 2017/2018, UNISZA
- Costello, S. & Taik, U. A. (2015). Developing Social Work Education in Myanmar. *International Social Work* 58(4) 1-13. From: <https://www.researchgate.net/publication>
- Ezarina Zakaria. (2006). Konsep Konflik Sosial: Satu Tinjauan untuk Kurikulum Kerja Sosial. Dalam Faizah Yunus. *Khidmat Sosial Malaysia* (pp.137-163). Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Fatimah Zailly & Noor Azizah. (2005). Pengenalan Kepada Polisi Sosial. Dalam Azlin Hilma, Fatimah Zailly, Rusimah dan Yusmarhaini. *Polisi, Perundangan dan Amalan Kerja Sosial* (pp. 3-13). Sintok, Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Gary, H., Meenaghan, T., Anastas, J. & Metrey, G. (2002). Outcomes of Social Work Education: The Case for Social Work Self-Efficacy. *Journal of Social Work Education*, 38(1) 115-133. From: <https://www.tandfonline.com/>.

- Gelkopf, M., Ryan, P., Cotton, S. J., dan Begger, R. (2008). The Impact of “Training the Trainers” Course for Helping Tsunami-survivor Children on Sri Lankan Disaster Volunteer Workers. *International Journal of Stress Management* 15(2) 117-35. From: <https://psycnet.apa.org/record/2008-05638-001>
- Gursansky, D., & Le Sueur, E. (2011). Conceptualising field education in the twenty first century: Contradictions, challenges and opportunities. *Social Work Education* 31(7) 914–931. From: <https://doi.org/10.1080/02615479.2011.595784>. CrossRefGoogle Scholar
- Ketner, M., Cooper-Bolinkey, D., & VanCleave, D. (2017). The meaning and value of supervision in social work field education. *Field Educator* 7(2) 1–16. Retrieved from: <http://fielddeducator.simmons.edu/article/the-meaning-and-value-of-supervision-in-social-work-field-education/>.
- Michelle, P. M. (2016). *Cultural Competence in Social Work Practice: Exploring the Experiences of Recent MSW Graduates*. (Dissertation Doctor of Education). Available from ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Mohamad Zarifi & Taqwa. (2004). Petunjuk-Petunjuk Keadilan Sosial. Seminar Keadilan Sosial Oleh Institut Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama KETENGAH. From: <http://www.myjurnal.my/public/article>.
- Norul Huda, S., Ezarina, Z., Fauziah, I., Nur Saadah, M. A, Aizan, S.A. et al. (2017). *Membina Konteks Profesional dan Efikasi Kendiri Pelajar Kerja Sosial: Cabaran Hubungan Pekerja Sosial-Klien Semasa Kerja Lapangan*. Prosiding PESAN 2017 (pp. 384-394).
- Rusimah, Ahmad Syukri & Jusmawati. (2014). *Pengantar Kerja Sosial* (Edisi ke-10). Sintok, Kedah: Penerbit UUM Press.
- Sinnasamy, M. (2006). *Human Resource Development on Social Work: a study of Malaysia*. Working paper series, WP-2006-01-E. From: <https://www.nfukushi.ac.jp/gp/coe/report/pdf/wp-kuno.pdf>
- Teoh, A. H. & Fuziah, S. (2017). *The Role of Social Work Education and Professionalization of Social Work in Malaysia: The Unfinished Mission*. Prosiding PESAN 2017 (pp.368-374)
- Teasley, M. (2004). School Social Worker and Urban Education Reform with African American Children and Youth: Realities, Advocacy and Strategies for change. *School Community Journal* 14(2) 19-38. From: ProQuest Education Journals.
- Zastrow, C. (2000). *Introduction to Social Work and Social Welfare*. (7th ed.). New York : Wadsworth Publishing Company.
- Zastrow, C. (2004). *Introduction to Social Work and Social Welfare*. Belmont, CA: Brooks/Cole.
- Zastrow, C. (2017). *Introduction to Social Work and Social Welfare: Empowering People*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Zakaria, S., Ahmad Munawar, I. & Noranizah, Y. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* 155 172. From: <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12342>

MAKLUMAT PENULIS

NURZAIMAH BINTI ASALAL

Universiti Pendidikan Sultan Idris
nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

HARIS ABD WAHAB

Universiti Malaya
haris@um.edu.my